

MEMO PENDAFTAR BIL. 15/2018

**KEPADA : SEMUA PELAJAR
JABATAN KOMUNIKASI DAN
JABATAN SENI VISUAL
UNIVERSITI SELANGOR**

**DARIPADA : HAJI SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF
PENDAFTAR**

TARIKH : 13 JUN 2018

NO. RUJUKAN : (04)dlm.UNISEL/PP/01/10 Jld.II

**PERKARA : MAKLUMAN PERPINDAHAN PROGRAM DI BAWAH JABATAN
KOMUNIKASI DAN JABATAN SENI VISUAL, FAKULTI
KOMUNIKASI, SENI VISUAL DAN PENGKOMPUTERAN**

Assalamualaikum wrt. Wbt dan Salam Sejahtera

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan permohonan perpindahan program-program di bawah Jabatan Komunikasi, dan Jabatan Seni Visual, Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran ke Kampus Bestari Jaya berkuatkuasa mulai 17 Mei 2018.


3. Mesyuarat Senat Kali Ke-160 (Bil. 05/2018) bertarikh 23 Mei 2018 telah membuat ketetapan bahawa pelajar semasa bagi Jabatan Komunikasi dan Jabatan Seni Visual akan mula berpindah untuk pengajian di UNISEL Kampus Bestari Jaya mulai Semester September 2018. Pemakluman awal ini bertujuan untuk memastikan semua pelajar dapat membuat perancangan dan persiapan lebih awal bagi menghadapi proses perpindahan ini.

4. Mesyuarat juga membuat ketetapan bahawa semua pelajar Jabatan Komunikasi, dan Jabatan Seni Visual akan diberi keutamaan untuk tinggal di Kolej Kediaman UNISEL Kampus Bestari Jaya bagi tempoh satu semester pertama. Ini bertujuan untuk memudahkan segala urusan penginapan pelajar. Untuk maklumat lanjut berhubung Kolej Kediaman UNISEL Kampus Bestari Jaya boleh dirujuk kepada Encik Azrol Efendy bin Abd Malek atau Encik Mohd Fauzainudin bin Nordin di talian 03-3280 5157.

Semoga perpindahan ini akan menjadi pemangkin untuk UNISEL terus bergerak maju pada masa akan datang. Sekian.

Terima kasih. *Wassalam.*

Ikhlas,


HAJI SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF
Pendaftar
Universiti Selangor (UNISEL)